

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Thursday, January 9, 2020 9:38 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** 2020 RIMC Tingkatkan Ekosistem Dan Penyelidikan



**UUM Corporate Comm.**

**Universiti Utara Malaysia**

9 JANUARI 2020 / 13 JAMADILAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: RIMC



## **2020 RIMC TINGKATKAN EKOSISTEM DAN PENYELIDIKAN**

**UUM ONLINE:** Memasuki 2020, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) disarankan untuk belajar melakukan kerja '*multitasking*' bagi memastikan perkhidmatan penyampaian lebih cekap dan efisien.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, semua staf di RIMC perlu belajar dan mengambil maklum tentang portfolio rakan sekerja lain agar setiap tugas masih boleh berjalan tanpa sebarang masalah sekiranya staf yang dipertanggungjawabkan tidak hadir bertugas atau bercuti panjang.

Menurutnya, pengurusan RIMC juga boleh membuat penstrukturan semula staf di peringkat jabatan bagi memastikan penyampaian staf lebih cekap dan mensasarkan aduan sifar daripada pemegang taruh khususnya kumpulan penyelidik UUM.

“Kita perlu minimakan birokrasi dan *redtape* dalam segala urusan melibatkan pemegang taruh sekiranya semua prosedur telah ditepati.

“Selain itu, semua staf perlu mempunyai asas-asas dalam menggunakan perisian komputer. Turut menjadi fokus utama adalah berkaitan peluang memperluaskan laluan kerjaya untuk pegawai penyelidik sosial (RO) yang mana mereka boleh membuat penyelidikan,” katanya pada Majlis Amanat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kepada barisan pengurusan dan staf RIMC, baru-baru ini.

Pada tahun lalu, UUM berjaya meningkatkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dengan menerima dana sebanyak RM10,093,480.40 iaitu daripada dana awam (86.3 peratus), antarabangsa (8.5 peratus) dan swasta (5.2 peratus).

Antara pemberi dana luar yang menyumbang adalah dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN), APEC, Chartered Institute of Islamic Finance (CIIF), PERKESO dan FWD Takaful.

Sementara itu, Pengarah RIMC, Prof. Dr. Nor Aziah Abd. Manaf berkata, beliau berharap tahun 2020 ini ekosistem dan penyampaian aktiviti penyelidikan dapat ditambahbaik secara keseluruhan di UUM.

Buat masa ini, menurutnya, peratus penyelidik utama (PI) masih rendah dan perlu ditingkatkan kepada 65 peratus.

Katanya, bagi tahun ini RIMC akan memfokuskan kepada pemantauan semasa proses penyelidikan berserta *output* dengan menggalakkan kelancaran pelaksanaan aktiviti penyelidikan.

“Keberkesanan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh perlu menjadi keutamaan memandangkan RIMC juga merupakan tulang belakang kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),” katanya.

Dalam program yang sama, warga RIMC juga turut meraikan sambutan hari kelahiran Prof. Dr. Ayoib dan staf RIMC yang lahir pada bulan Januari.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.